



AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP)

GAP 4: PENOREHAN

"Mari kita gunakan segala kekuatan dan sumber yang ada untuk mendepani produktiviti dengan meningkatkan modal insan dan meneruskan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP)"



Torehan ialah proses melukakan kulit pokok getah secara terkawal di mana satu hirisan nipis dibuat bertujuan untuk membuka saluran lateks, bagi membolehkan lateks keluar dan mengalir di sepanjang alur torehan.

NILAI SEBATANG POKOK GETAH

Tempoh boleh ditoreh

25 Tahun

1 tahun ditoreh

168 Hari
Selang sehari

1 kali ditoreh

30 g/t/t

Harga 1 kg getah kering

RM 5.00

Hasil 1 tahun sepokok

30 gram x 168 Hari
5,040 gram @ 5kg

Pendapatan 1 tahun sepokok

5 kg x RM 5.00
RM 25.00

Nilai Lateks Sepokok

RM25.00 x 25 tahun

RM 625.00

BILAKAH POKOK BOLEH DITOREH?



Apabila 70% daripada Jumlah Pokok Mencapai Ukur Lilit 45 sm Pada Ketinggian 150 sm dari aras tanah

KENAPA PERLU MENOREH DENGAN BETUL

Bagi Memastikan Jangka Pengeluaran Hasil Pokok Getah Mampu Menjangkau Sehingga 25 Tahun

Kesan Menoreh Dengan Betul

- Hasil maksima, kos minima
- Kulit pulihan yang sempurna
- Tumbesaran yang baik
- Kejadian kering kulit yang rendah
- Eksploitasi yang maksima



Dengan memastikan kedalaman dan ketebalan torehan yang tepat.
(Setebal syiling lima sen)



PERALATAN UNTUK MEMBUKA TAPAK TOREHAN



- Kayu beroti (150 sm x 4 sm x 1 sm)



- Paku



- Kepingan zink (40 sm x 5 sm)
- Kepingan zink (30 sm x 2 sm)



- Tali



- Kapur Tulis



- Cat Putih



- Berus



- Tali Ukur



- Mangkuk



- Pisau Toreh



- Dawai Penyangkut




- Batu Asah



- Pancuran


ATURAN MEMBUKA PANEL TOREHAN

1




Sediakan templet panel torehan

2



Sediakan kepingan zink berlubang
(kawalan kulit bulanan)


3



• Lepakkan templet pada batang pokok

Tanda alur torehan

4




• Ukur lilitan batang dan tali dilipat dua

Ukur separuh lilitan pokok

4

5



Tanda sempadan panel belakang
torehan

6



Menuris nipis alur torehan dan
sempadan panel

7



Tanda kawalan penggunaan
kulit bulanan

8



Pasang pancuran, penyangkut dan
mangkuk

GILIRAN PANEL TOREHAN

1.



Tahun 1-5 (5 Tahun)

- Panel BO-1: Torehan 1/2 lilitan
- Panel rendah, kulit dara, panel pertama

2.



Tahun 6-10 (5 Tahun)

- Panel BO-2: Torehan 1/2 lilitan
- Panel rendah, kulit dara, panel kedua

3.



Tahun 11-15 (5 Tahun)

- Panel BI-1
- Panel rendah, kulit pulihan pertama, panel pertama

4.



Tahun 16-17 (2 Tahun)

- Panel HO-1: Torehan 1/4 lilitan
- Panel tinggi, kulit dara, panel pertama
- Panel BI-2: Torehan 1/2 lilitan (Pada musim ranggasan daun sahaja)
- Panel rendah, kulit pulihan pertama, panel kedua

5.



Tahun 18-19 (2 tahun)

- Panel HO-2: Torehan 1/4 lilitan
- Panel tinggi, kulit dara, panel kedua
- Panel BI-1: Torehan 1/2 lilitan (Pada musim ranggasan daun sahaja)

6.



Tahun 20-21 (2 Tahun)

- Panel HO-3: Torehan 1/4 lilitan
- Panel tinggi, kulit dara, panel kedua
- Panel BI-1: Torehan 1/2 lilitan (Pada musim ranggasan daun sahaja)

7.



Tahun 22-23 (2 Tahun)

- Panel HO-4: Torehan 1/4 lilitan
- Panel tinggi, kulit dara, panel keempat
- Panel BI-1: Torehan 1/2 lilitan (Pada musim ranggasan daun sahaja)

8.



Tahun 24-25 (2 tahun)

- Panel BI-2: Torehan 1/2 lilitan

TOREHAN MENAIK TERKAWAL (TMT)

Kebaikan Torehan Menaik Terkawal

- Menambahkan hasil
- Memanjangkan tempoh ekonomik pokok
- Tidak membentuk 'pulau kulit'
- Kejadian kering kulit sedikit atau tiada
- Mengurangkan kos penorehan
- Menggantikan torehan yang menggunakan tangga



Perkara
penting semasa
perlaksanaan
TMT



- Khas untuk panel tinggi kulit dara
- Toreh dari bawah ke atas
- Penggunaan kulit secara terkawal dengan rangsangan
- Dihentikan pada musim rangsangan daun
- Ditoreh bermula sebelah kanan bawah keatas kiri

KAEDAH MEMBUKA PANEL TOREHAN MENAIK TERKAWAL

1



Kapur
Tulis

Tandakan garisan menegak sepanjang 60 sm di atas panel torehan rendah (B-1)

2



Garisan
Tanda

Toreh sedikit kulit di sepanjang garisan ini kira-kira 60 sm

3



Tali

Lilit seutas tali halus keliling batang pokok

4



Tali
Lipat 4

Tali dilipat empat dan buat ukur lilitan serta tandakan

5



Kapur Tulis

Buat garisan menegak sepanjang 60 sm di sempadan kanan pula.

6



Kapur Tulis

Zink

Cerun ditandakan dengan penyukat sudut 45° (zink)

7



Garis Tanda

Separuh Toreh

Beberapa torehan dibuat untuk membuka ruang selebar 2.5 sm bagi memuatkan pisau TMT

8




Menandakan alur torehan menaik, pisau TMT ditolak ke dalam kulit untuk memotong kira-kira 2 mm tebal kulit

9




Menanda panduan penggunaan kulit bulanan dengan rol tanda

10



Memasang pancuran, dawai penyangkut dan mangkuk

11



Penorehan berdiri menghadap pokok sejauh 60 sm dan jarak kaki ke pokok 30 sm

12



Lateksnya hendaklah dipandu dengan mata pisau supaya mengalir betul di sepanjang alur torehan